

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
KAWASAN : SELAYANG

SOALAN:

YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status dan bilakah projek pelebaran Jalan Persekutuan B27 dari Tol Lebu Raya PLUS ke bandar Rawang akan bermula dan siap.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Persekutuan FT3209 (dahulu dikenali sebagai Jalan Negeri B27) iaitu dari Plaza Tol Rawang (PLUS) ke pusat bandar Rawang dibuat secara berfasa. Pada masa kini pelaksanaan fasa 1 melibatkan naik taraf laluan 4 lorong 2 hala sepanjang 1.6km baru sahaja disiapkan oleh kementerian ini pada bulan Julai 2016. Manakala cadangan pembinaan fasa kedua pula sepanjang 2.4km telah dipohon untuk kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat dalam Rolling Plan yang akan datang.

Sekian. Terima kasih.